

25/09/1998

Bank Dunia siap laporan kegawatan ekonomi sejagat

Azizi Othman in London

BANK Dunia yang menerima saranan Malaysia supaya ia melaksanakan satu kajian terperinci berhubung kegawatan ekonomi sejagat, sudah menyiapkan laporan mengenainya.

Dalam laporan tahunan 1998 yang dikeluarkan serentak ke seluruh dunia hari ini, Bank Dunia berkata ia sudahpun menyiapkan satu dokumen kajian yang komprehensif berhubung isu berkenaan.

Dokumen itu dijangka dibentangkan kepada semua ahli dalam Mesyuarat Tahunan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF)/Bank Dunia yang akan diadakan di Washington DC pada 6 hingga 8 Oktober ini.

Laporan Tahunan Bank Dunia menyebut: "Sebagai menyahut saranan Malaysia supaya institusi ini membuat kajian terperinci berhubung isu kegawatan ekonomi, kami kini mengumumkan bahawa satu laporan sudahpun disiapkan."

"Dokumen berkenaan dinamakan Memorandum Ekonomi Komprehensif bagi setiap negara," kata laporan tahunan berkenaan dalam segmen Kajian Lembaga Pengarah Eksekutifnya.

Menurutnya, sejajar dengan saranan Malaysia supaya dokumen itu dapat memberi gambaran mengenai keadaan ekonomi sejagat, laporan berkenaan antara lain memberi tumpuan khusus terhadap isu dalam sektor kewangan.

Saranan supaya Bank Dunia membuat kajian menyeluruh itu ditimbulkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sesi Mesyuarat Tahunan IMF/Bank Dunia, yang berlangsung di Hong Kong, September tahun lalu.

Ia antara lain bertujuan menyedarkan masyarakat kewangan antarabangsa mengenai fungsi dan peranan yang dimainkan spekulator mata wang dalam menseimbang kepada kegawatan terbabit.

Dokumen itu juga dijangka dapat menyedarkan dunia bahawa kegawatan ekonomi yang kini dilanda sejagat mempunyai impak besar kerana turut membabitkan aspek kestabilan politik, sosial serta hak asasi manusia.

Sementara itu, Laporan Tahunan Bank Dunia juga mengakui hakikat bahawa Malaysia ialah satu daripada kumpulan negara yang sudah mampu keluar daripada kelompok bantuannya.

Perangkaan yang dikeluarkan dalam laporan itu menunjukkan Malaysia tidak lagi mengambil sebarang pinjaman daripada Bank Dunia untuk projek pembangunannya sejak kira-kira enam tahun lalu.

Pada sidang akhbar pelancaran laporan tahunan itu di sini hari ini, Penasihat Kanan Hal Ehwat Luar Bank Dunia, Tim Cullen, berkata kajian yang disarankan oleh Malaysia itu memang tepat pada masanya.

"Bank Dunia berharap supaya dokumen yang dikeluarkan itu dapat membantu masyarakat antarabangsa memahami lebih mendalam mengenai krisis ekonomi yang kini semakin membimbangkan sejagat," katanya.

Mengenai Mesyuarat Tahunan IMF/Bank Dunia kali ini, beliau berkata, agenda utama yang akan dibincangkan ialah berhubung kegawatan ekonomi Asia Timur dan tanggungjawab IMF/Bank Dunia untuk menanganinya.

(END)